



## SIARAN MEDIA

### MESYUARAT MAJLIS PERUMAHAN MAMPU MILIK NEGARA (MPMMN) TAHUN 2024

---

**KUALA LUMPUR, 21 Oktober 2024** - YAB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Perumahan Mampu Milik Negara (MPMMN) di Bangunan Parlimen pada hari ini. Sebanyak empat kertas (4) telah dibentangkan di dalam mesyuarat pada hari ini. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Menteri Besar dan Ketua Menteri dan Exco Perumahan negeri – negeri di Semenanjung Malaysia, Menteri-Menteri Persekutuan yang berkaitan dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan.

MPMMN merupakan *high-level council* yang membincangkan isu-isu perumahan mampu milik antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pemain industri. Adalah mustahak semua pihak menggembeng tenaga dalam usaha mewujudkan ekosistem perumahan yang mencerminkan keupayaan, kemampuan dan permintaan sebenar pasaran. Intervensi Kerajaan bagi golongan kumpulan sasaran ini amat diperlukan kerana tahap kemampuan mereka masih rendah untuk memiliki rumah pada harga pasaran. Pihak swasta juga perlu berganding bahu membina rumah pada harga yang mampu dimiliki oleh komuniti.

MPMMN pada hari ini telah dibentangkan status penyediaan 500,000 rumah mampu milik (RMM) yang disasarkan sepanjang Rancangan Malaysia ke-12. Sehingga 30 September 2024, sebanyak 443,259 unit RMM (88 peratus) telah siap, dalam pembinaan dan perancangan. Sasaran penyediaan 500,000 unit RMM masih berbaki sebanyak 56,741 unit yang perlu disediakan sebelum penghujung pelaksanaan RMK-12. Kerajaan sentiasa positif dan komited untuk mencapai sasaran tersebut demi menyediakan RMM kepada kumpulan sasaran di seluruh negara. Sebanyak 348,267 (70 peratus) berada pada peringkat siap dan sedang dibina.

Kerajaan juga bersetuju menjenamakan semula Program Perumahan Rakyat (PPR) kepada Program Residensi Rakyat (PRR). Penjenamaan semula ini merupakan inisiatif untuk memberi nafas baharu dan nilai tambah terhadap program perumahan sosial Kerajaan sedia ada. Inisiatif ini adalah selaras dengan enam Nilai Teras MADANI yang memfokuskan kepada kesejahteraan ekonomi, sosial dan mutu kehidupan rakyat. Reka bentuk PRR akan ditambah baik untuk memastikan peningkatan kualiti, keselesaan dan kesejahteraan penghuni. PRR juga akan dinilai melalui penarafan Sistem Penilaian

Kualiti untuk Kerja Pembinaan Bangunan [*Quality Assessment System for Building in Construction Works (QLASSIC)*] dan Indeks Bangunan Hijau [*Green Building Index (GBI)*].

Mesyuarat turut diberi maklum berkaitan pelaksanaan Jawatankuasa Perancangan, Penilaian dan Rekabentuk Negeri Johor [*Planning, Design and Review Committee (PDRC)*]. Pelaksanaan PDRC merupakan salah satu mekanisme pemudahcara, pelaksanaan dan pemantauan di bawah satu platform *ease of doing business* dalam perspektif penyediaan dan pembinaan Rumah Mampu Milik di negeri Johor. Pendekatan ini boleh dijadikan sebagai amalan terbaik (*best practices*) yang boleh dirujuk oleh pihak-pihak berkuasa negeri bagi memastikan strategi dan matlamat penyediaan RMM kepada kumpulan sasar di setiap negeri di laksanakan di dalam tempoh yang ditetapkan.

Selain itu, MPMMN turut dimaklumkan status pengisian PRR. Antara syor yang dipertimbangkan ialah kajian berkaitan kadar sewaan dan fi penyelenggaraan bagi memastikan kadar yang dikenakan adalah bersesuaian, penggunaan sepenuhnya Sistem Pengurusan Perumahan Negara (SPRN) oleh semua Negeri dan SPRN berperanan sebagai *One Stop Centre (OSC)* bagi urusan berkaitan PPR.

Selaras dengan agenda menggalakkan pemilikan rumah dalam kalangan rakyat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyediakan buku Panduan Pemilikan Kediaman (*Home Ownership Handbook*) sebagai panduan kepada rakyat untuk memahami dengan lebih jelas berkenaan proses pemilikan kediaman rumah khususnya pembeli rumah pertama. Panduan tersebut menyediakan maklumat komprehensif yang merangkumi informasi di peringkat pra pembelian, semasa pembelian dan pasca pembelian kediaman. Maklumat-maklumat tersebut membantu rakyat membuat keputusan yang tepat dan bijak sebelum memiliki rumah. Buku panduan ini boleh dimuat turun menerusi laman web KPKT dipautan <https://www.kpkt.gov.my/>

**#MalaysiaMADANI**

**#StrongerTogether**

**#DemiPertiwi**

**#UnityInDiversity**

---

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)

